



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERBANDINGAN SISTEM EJAAN JAWI DALAM SURAT SULTAN
ZAINAL ABIDIN III DENGAN SISTEM EJAAN WILKINSON, ZA'BA DAN
BAHARU***

NORHAFIZA BINTI ALIAS

FBMK 2016 5



**PERBANDINGAN SISTEM EJAAN JAWI DALAM SURAT SULTAN
ZAINAL ABIDIN III DENGAN SISTEM EJAAN WILKINSON, ZA'BA
DAN BAHARU**

Oleh

NORHAFIZA BINTI ALIAS

Tesis ini dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

Jun 2016

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

PERBANDINGAN SISTEM EJAAN JAWI DALAM SURAT SULTAN ZAINAL ABIDIN III DENGAN SISTEM EJAAN WILKINSON, ZA'BA DAN BAHARU

Oleh

NORHAFIZA BINTI ALIAS

Jun 2016

Pengerusi : Profesor Madya Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Tulisan Jawi merupakan sebahagian daripada warisan kebudayaan Melayu Lama dan telah menjadi tulisan rasmi untuk suatu ketika dahulu. Kini ia telah mengalami pelbagai peringkat proses perubahan. Kajian tentang sistem ejaan Jawi bukanlah sesuatu yang baharu, namun kajian sebelum ini tidak menyentuh tentang perkembangan sistem ejaan Jawi tradisi, ejaan lazim dan ejaan mengikut hukum pada abad ke-20 hingga kini. Oleh itu, untuk menampung lompong tersebut, kajian ini akan menjelaskan sistem ejaan Jawi Tradisi, ejaan Lazim dan ejaan Mengikut Hukum yang terdapat dalam naskhah Surat-surat Sultan Zainal Abidin III yang ditulis pada awal abad ke-20 dan perbandingannya dengan Kamus-Jawi-Melayu-Inggeris Wilkinson (Kamus Wilkinson) serta perkembangannya berdasarkan Daftar Ejaan Rumi-Jawi Za'ba (Ejaan Jawi Za'ba) dan Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi (DKBM) Dewan Bahasa dan Pustaka. Kamus Wilkinson mewakili ejaan Jawi awal abad ke-20, Ejaan Jawi Za'ba mewakili ejaan Jawi pertengahan abad ke-20 dan DKBM mewakili ejaan Jawi akhir abad ke-20 dan kini. Kajian ini menggunakan kaedah analisis perbandingan. Selain itu, Modul Matlob, prinsip Ejaan Jawi Za'ba dan tahap Perkembangan Sistem Tulisan Jawi Kang Kyoung Seok (1993) juga digunakan untuk melihat perbezaan dan persamaan yang ada dalam semua bahan kajian. Oleh itu, ejaan Jawi dalam Surat Sultan Zainal Abidin III telah dijadikan sebagai asas perbandingan kerana bahan ini bersesuaian dalam usaha mengesan dan mengenal pasti bentuk ejaan Jawi yang pernah digunakan pada peringkat awal abad ke-20 di Alam Melayu sebelum perubahan yang membawa kepada sistem ejaan Jawi yang digunakan kini. Tambahan pula, surat ini merupakan salinan asal yang bertulisan tangan. Justeru itu, hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat banyak ejaan Jawi dalam Surat Sultan Zainal Abidin III yang mengalami perubahan, terutamanya dari segi sistem ejaan Tradisi. Namun begitu, keseluruhan sistem ejaan Tradisi, Lazim dan Mengikut Hukum telah digunakan secara meluas dalam Surat Sultan Zainal Abidin III. Hal ini menunjukkan bahawa sistem ejaan Jawi Baharu merupakan kesinambungan sistem ejaan Jawi lama yang sudah mantap dan tidak perlu diubah lagi.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the Master of Arts

**COMPARISON BETWEEN JAWI SPELLING SYSTEM IN THE LETTERS
OF SULTAN ZAINAL ABIDIN III WITH WILKINSON'S, ZA'BA'S AND
NEW SPELLING SYSTEM**

By

NORHAFIZA BINTI ALIAS

June 2016

Chairman : Assoc. Professor Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Jawi script is a part of The Old Malay cultural heritage and has become the official script for long time ago. Recently, it has undergone various levels of the transformation process. Studies on Jawi spelling system is not something new. However, the previous study did not touch on the development of Traditional Jawi spelling, Common Jawi spelling and Spelling According to the Rules on 20th century until now. Therefore, in order to cover the shortfall, this study will explain on the Jawi spelling system used in Sultan Zainal Abidin III letters written in the early of 20th century and its comparison with the Wilkinson Jawi-Malay-Inggeris-Dictionary (Wilkinson Dictionary) including its evolution based on Za'ba Rumi-Jawi Glossary (Za'ba's Jawi spelling) and the Malay Glossary: Rumi-Pronunciation-Jawi, Dewan Bahasa and Pustaka (DKBM). The Wilkinson Dictionary represents the Jawi spelling system of the early 20th century; Za'ba's Jawi spelling system represents the Jawi spelling system of the mid-20th century; and DKBM represents the Jawi spelling system at the end of the 20th century to date. A comparative analysis method is used in this study. Besides, Matlob Module, Za'ba Jawi Spelling principle and Development level of the Kang Kyoung Seok Writing System (1993) are also used to see differences and similarities that exist in all of the studies. Therefore, the Jawi spelling in the Sultan Zainal Abidin III letters are used as the basis for comparison as it is a suitable materialis to detect and identify the Jawi spelling that had to been used the early 20th century in Malay World before it evolves to the current Jawi spelling system that is used now. In addition, Sultan Zainal Abidin III letters are the original handwritten manuscripts. Therefore, the findings of this study has indicated that there are many changes in the Jawi spelling in Sultan Zainal Abidin III letters especially in terms of the Traditional spelling system. However, the overall system of Traditional spelling, Common Jawi spelling and Spelling According to the Rules had been used widely in Sultan Zainal Abidin III letters. This shows that New Jawi spelling system is a continuation from the Old Jawi spelling system where the continuity is a well-established and does not require any changes anymore.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah kesyukuran yang tidak terhingga saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana telah mengurniakan saya kekuatan dan kesungguhan yang berterusan dalam menyempurnakan penyelidikan dan penulisan tesis ini. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan, iaitu Prof Madya. Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz dari Jabatan Bahasa Melayu dan ahli jawatankuasa, iaitu Dr. Wan Muhammad bin Wan Sulong dari Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar bagi melancarkan perjalanan penyelidikan di samping membantu saya dalam menyiapkan penulisan tesis ini dengan jayanya.

Selain itu, tidak dilupakan juga kepada pihak arkib Malaysia cawangan negeri Terengganu yang banyak membantu saya dan memberi pinjam salinan bahan kajian serta memberi maklumat tentang Surat Sultan Zainal Abidin III. Seterusnya, terima kasih juga kepada kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka serta kakitangan Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM yang banyak membantu sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Jutaan terima kasih juga saya hulurkan kepada ayahanda dan bonda yang dikasih, iaitu Alias bin Jusoh dan Hajirah binti Musa yang sentiasa ada di sisi memberi dorongan, nasihat dan kata-kata perangsang sehingga berjaya untuk menyempurnakan pengajian ini.

Seterusnya, tidak ketinggalan juga kepada seluruh ahli keluarga, iaitu suami tercinta Azmir Mohd Zawawi, bekanda Muhammad Yusoff, adinda Muhammad Shahidan dan Muhammad Aiman yang sentiasa ada bersama-sama memberi dorongan kepada diri ini untuk meneruskan pengajian. Rasa terhutang budi juga disandarkan kepada rakan seperjuangan, iaitu Saidatul Faiqah Samasu, Siti Rokiah, Sakinah Ya'cob, Haliza Hamat dan rakan-rakan yang lain atas sokongan dan sentiasa ada bersama bagi mengharungi suka duka mencari ilmu yang tiada penamatnya. Akhir sekali, jutaan terima kasih buat semua pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu dan Jabatan Bahasa Asing serta kepada semua kakitangan FBMK yang pernah membantu saya secara langsung atau tidak langsung. Semoga cebisan ilmu ini dapat dimanfaatkan kepada semua orang untuk kebaikan bersama.

**Norhafiza binti Alias
GS38181**

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjuma pada 2 Jun 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Norhafiza binti Alias bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Perbandingan Sistem Ejaan Jawi dalam Surat Sultan Zainal Abidin III dengan Ejaan Wilkinson, Za’ba dan Baharu” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlumbagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1988. Jawatankuasa tersebut telah memperakuan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Che Ibrahim bin Salleh

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Hashim bin Ismail

Profesor Madya

Akademi Pengajian Melayu

Universiti Malaya

(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 23 Ogos 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Adi Yasran Bin Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Wan Muhammad Bin Wan Sulong, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Norhafiza binti Alias, GS 38181

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Asal Usul Bahasa Melayu	2
1.1.2 Kelahiran Tulisan Jawi	3
1.1.3 Surat Sultan Zainal Abidin III	5
1.1.4 Latar Belakang Sultan Zainal Abidin III	5
1.2 Penyataan Masalah	6
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Batasan Kajian	9
1.7 Definisi Operational	
1.7.1 Manuskrip	9
1.7.2 Tulisan Jawi	9
1.7.3 Ejaan Tradisi	10
1.7.4 Ejaan Lazim	10
1.7.5 Ejaan Mengikut Hukum	10
1.7.6 Kaedah Derlung	10
1.7.7 Kaedah Luar Derlung	10
1.7.8 Transliterasi	11
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Transliterasi Teks Jawi Ke Rumi	12
2.3 Ejaan Tradisi	13
2.4 Ejaan Lazim	16
2.5 Ejaan Mengikut Hukum	17
2.6 Perkaitan Antara Kajian Lepas dengan Kajian Ini	20

3	METODOLOGI	
3.1	Reka Bentuk Penyelidikan	22
3.2	Bahan Kajian	22
3.3	Tatacara Kajian	23
3.3.1	Kaedah Transliterasi	24
3.3.2	Kaedah Pengumpulan Data	30
3.3.3	Kaedah Analisis Data	31
3.4	Model Analisis	
3.4.1	Model Analisis Sistem Ejaan Jawi Matlob Yang Diubah suai	31
3.4.2	Model Analisis Perbandingan Sistem Ejaan Jawi Kang Kyoung Seock	31
3.4.3	Prinsip Ejaan Jawi Za'ba	33
3.5	Aliran Perkembangan dan Kedudukan SSZA III dalam Abad Ke- 20	34
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	35
4.2	Ejaan Tradisi	35
4.2.1	Ejaan Yang Dikekalkan	37
4.2.2	Ejaan Yang Berubah	40
4.3	Ejaan Lazim	48
4.3.1	Ejaan Lazim dengan Perlambangan Huruf Vokal	49
4.3.2	Ejaan Lazim Tanpa Perlambangan Huruf Vokal	52
4.3.3	Ejaan Lazim Yang Berubah kepada Kaedah Imbuhan	57
4.3.4	Ejaan Lazim Yang Masih Kekal	58
4.4	Ejaan Mengikut Hukum	59
4.4.1	Hukum [a/a]	60
4.4.2	Hukum Kaf Ga	69
4.4.3	Hukum Kata Dasar Tiga Suku Kata Atau Lebih	72
4.4.4	Hukum Wau	73
5	KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	75
5.2	Kesimpulan	75
5.3	Kesimpulan dan Cadangan	77
BIBLIOGRAFI		78
LAMPIRAN		83
BIODATA PELAJAR		107

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Kerangka Penyelidikan	29
2	Kerangka Konseptual	30
3	Tahap Sistem Perkembangan Tulisan Jawi yang Dikemukakan oleh Kang Kyoung Seok (1993)	32
4	Carta Aliran Kedudukan Sistem Ejaan Jawi SSZA III Dalam Abad ke-20	34

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.	Pedoman Ejaan Jawi Bahasa Melayu	26
2.	Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi(Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008)	27
3.	Contoh Tahap Perkembangan Sistem Tulisan Jawi Berdasarkan Kang Kyoung Seock (1993)	32
4.	Contoh Perkataan yang dinyatakan sebagai Ejaan Tua	36
5.	Senarai Contoh Perkataan yang Dikecualikan daripada AturanPengejaan Tulisan Jawi	38
6.	Contoh Perkataan yang Dikecualikan dalam Pengejaan Tulisan Jawi	38
7.	Ejaan Tradisi yang Dikekalkan	39
8.	Ejaan Tradisi yang Dikekalkan dalam SSZA III	39
9.	Contoh Perubahan Perkataan daripada Ejaan Tradisi kepada Ejaan Lazim	40
10.	Contoh Perkataan Pengaruh Arab dan Melayu	43
11.	Contoh Perubahan Perkataan daripada Ejaan Tradisi kepada Ejaan Mengikut Kaedah Derlung	45
12.	Contoh Perubahan Perkataan daripada Ejaan Tradisi kepada Kaedah Luar Derlung	45
13.	Contoh Perubahan Perkataan daripada Ejaan Tradisi kepadaEjaan Kata Dasar Tiga Suku Kata	47
14.	Penggunaan Huruf Vokal <i>Alif</i>	50
15.	Penggunaan Huruf Wau (و) Dan Y(ي)	51
16.	Contoh Bunyi e Pepet Di Tengah Kata dalam SSZA III	53
17.	Contoh Bunyi /a/ dalam Suku Kata KV	55
18.	Ejaan Lazim yang Mengalami Perubahan	57
19.	Contoh Ejaan Lazim yang Dikekalkan dalam SSZA III	58
20.	Contoh Ejaan yang Memenuhi Syarat Kaedah Derlung dalam SSZA III.	61
21.	Contoh Ejaan Mengikut Kaedah Derlung dalam DKBM yang Dieja dengan Ejaan Tradisi dalam SSZA III	62
22.	Contoh Ejaan Mengikut Kaedah Luar Darlung dalam SSZA III	66
23.	Contoh Ejaan Memenuhi Kaedah Luar Derlung tetapi tidak Dieja Mengikut Kaedah Luar Derlung dalam SSZA III	67
24.	Contoh Ejaan Mengikut Kaedah <i>Ha</i> yang terdapat dalam SSZA III	69
25.	Contoh Perkataan yang Mengikut Hukum <i>Kaf Ga</i> dalam SSZA III	70
26.	Contoh Perkataan yang Memenuhi Kata Dasar Lebih Dua Suku Kata dalam DKBM	72

SENARAI SINGKATAN

SSZA III	Surat Sultan Zainal Abidin III
DKBM	Daftar Kata Bahasa Melayu
PEJUBM	Pedoman Ejaan Jawi Umum Bahasa Melayu
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
VK	Vokal Konsonan
K	Konsonan
KV	Konsonan Vokal
KVK	Konsonan Vokal Konsonan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Setiap tamadun besar dunia pasti ada suatu bentuk bahasa dan tulisan dalam perhubungan mereka. Kewujudan sesuatu bangsa itu adalah kerana adanya bahasa dan apabila bahasa itu ditukarkan dalam bentuk tulisan maka bangsa itu akan berkembang maju sehingga mencipta satu peradaban. Oleh itu, Alam Melayu juga tidak terkecuali dalam mempunyai bahasa dan tulisannya sendiri.

Lambang tulisan peribumi di Alam Melayu sudah ada sebelum datangnya pengaruh dari luar. Tulisan Rencong ialah tulisan yang terawal yang wujud di Alam Melayu. Tulisan ini telah digunakan di Sumatera Selatan, iaitu di Lampung, Rejang dan Jambi. Kemudiannya, tulisan ini telah digantikan dengan tulisan yang lebih moden, iaitu tulisan Pallava yang datang dari India Selatan. Bagaimanapun, penyebaran tulisan ini terbatas kerana hanya digunakan dalam kalangan orang atasan dan ditulis pada batu bersurat. Selain itu, ada juga bentuk tulisan yang dilihat seperti tulisan Rencong, iaitu dikenali sebagai lontara (kerana ditulis di atas daun lontar). Sebelum kedatangan bentuk tulisan Arab, Alam Melayu telah pun mempunyai pelbagai bentuk tulisannya sendiri untuk menghasilkan sesuatu teks.

Apabila Islam datang ke Alam Melayu, khususnya di Tanah Melayu banyak perkara yang berubah. Antaranya sistem peradaban Melayu telah dipenuhi dengan nilai berteraskan ajaran Islam yang sebenar. Unsur ajaran dan pengamalan budaya Hindu Buddha yang diamalkan oleh masyarakat Melayu dahulu sedikit demi sedikit mula terhakis seterusnya memberi ruang kepada masyarakat Melayu untuk menerima agama Islam dalam kehidupan. Selain itu, kedatangan Islam yang membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme dalam kalangan masyarakat Melayu telah mengubah persepsi masyarakat terhadap alam serta mengubah kebudayaan Melayu, iaitu dari segi bahasa dan tulisannya.

Oleh yang demikian, tulisan yang dibawa bersama dengan kedatangan Islam ini, iaitu dikenali sebagai tulisan Jawi. Tulisan Jawi ialah tulisan Melayu yang menggunakan huruf Arab. Seterusnya, nama Jawi (جاوی) ini sebenarnya berasal daripada kata nama bahasa Arab “Jawah” (جواه). Ada sesetengah pendapat yang mengatakan bahawa perkataan Jawi dan Jawah itu berkemungkinan berasal daripada perkataan “Javadwipa”, iaitu nama bagi daerah Asia Tenggara pada zaman purba.

Selaras dengan itu, hal ini dibuktikan melalui catatan Ibnu Battutah dalam bukunya *al-Rihlah* yang menggelar Sumatera sebagai al-Jawah. Orang Arab hanya menggunakan kata “Java” untuk merujuk seluruh Asia Tenggara, manakala kata “dwipa” ditinggalkan. Justeru itu, kata “Jawah” atau “Jawi” bukan sahaja merujuk pada orang Jawa, iaitu penduduk yang berasal dari Tanah Jawa, tetapi merujuk pada semua bangsa peribumi Asia Tenggara termasuklah seluruh rumpun bangsa

Melayu, Aceh, Banjar, Bugis, Campa, Jawa, Lombok, Mandailing, Minangkabau, Patani, Sunda, Filipina dan lain-lain (Abdullah Mohammad (Nakula), 1981:2). Oleh yang demikian, kebanyakan ulama dari Asia Tenggara selalu menggunakan kata “al-Jawi” di pengakhiran nama mereka walaupun suku bangsa berbeza. Misalnya, Syeikh Abdul Samad al-Palembani al-Jawi, Syeikh Daud Abdullah al-Fatani al-Jawi, Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri al-Jawi dan banyak lagi.

Kajian perbandingan sistem ejaan Jawi dilakukan terhadap empat bahan kajian, iaitu SSZA III, Kamus Wilkinson, ejaan Jawi Za’ba dan DKBM. Walau bagaimanapun, sebelum membuat perbandingan terhadap sistem ejaan Jawi, modul pendekatan Matlob (2007) yang diubah suai telah digunakan bagi mengklasifikasikan sistem ejaan. Berdasarkan pendekatan Matlob sistem ejaan Jawi terbahagi kepada tiga, iaitu ejaan Tradisi, Ejaan Lazim dan ejaan Mengikut Hukum. Selain itu, prinsip ejaan Jawi Za’ba dan tahap perkembangan sistem tulisan Jawi Kang Kyong Seock (1993) digunakan untuk membandingkan sistem ejaan yang terkandung dalam keempat-empat bahan tersebut. Berdasarkan Matlob (2003) lagi, ejaan Tradisi ialah ejaan yang menggunakan sistem baris tetapi dalam kajian Hamdan Abd Rahman (2014), istilah “ejaan Tradisi” tidak dijumpai kerana beliau menggunakan perkataan “kekecualian ejaan” seperti yang digunakan dalam DKBM. Namun begitu, didapati konsep yang digunakan adalah sama tetapi berbeza dari segi senarai perkataan yang dikategorikan dalam ejaan Tradisi. Hal ini akan menyukarkan pengguna Jawi untuk memastikan bahawa ejaan mana yang dikelasifikasi dalam ejaan Tradisi kerana ejaan Tradisi ini perlu dihafal. Oleh itu, untuk menyelesaikan masalah tersebut dan beberapa masalah lain yang timbul, maka kajian ini perlu dilakukan.

1.1.1 Asal Usul Bahasa Melayu

Menurut Nik Safiah Karim (1986), bahasa Melayu dipercayai berasal daripada keluarga bahasa Austronesia. Bahasa Austronesia ini termasuk dalam dalam Filum Austris. Filum Austris ini terdiri daripada tiga rumpun, iaitu bahasa Austroasia yang mana terdiri daripada bahasa Khasi (di Annam), Nicobar, Mon atau Peguan, Khmer, dan Munda. Bahasa Cina-Tibet yang terdiri daripada Cina, Tibet, Burma, Siam, Annam, dan lain-lain. Manakala bahasa Austronesia terdiri daripada bahasa Nusantara, iaitu Polinesia, Melanesia dan Mikronesia.

Bahasa Melayu ialah bahasa yang dinamik dan sentiasa berkembang dari segi sistem dan strukturnya. Perkembangan bahasa Melayu seiring dengan peredaran zaman. Perubahan zaman yang ketara pada masa kini mendorong keupayaan sesuatu bahasa itu memenuhi keperluan masyarakat bahasa itu sendiri. Hal ini dapat dilihat melalui perkembangan bahasa Melayu yang bermula dengan bahasa Melayu Purba kepada bahasa Melayu Kuno dan beralih kepada bahasa Melayu Klasik, seterusnya kini kepada bahasa Melayu Moden.

Kemunculan Bahasa Melayu Klasik ini ditemukan dalam beberapa manuskrip Melayu lama. Terdapat kira-kira 10,000 naskhah manuskrip Melayu lama ini yang tersimpan di beberapa buah negara, terutamanya di Barat. Manuskrip Melayu yang

tertua ialah surat kiriman Sultan Ternate, dari kepulauan Maluku kepada Raja Portugis yang bertarikh tahun 1521 dan 1522. Selain itu, tulisan yang berbentuk buku pula ialah kitab *Aqaid al-Nasafi* yang bertarikh 1590 (988 H).

Menurut Awang Sariyan (1998), bahasa Melayu Klasik merupakan tahap ketiga dalam periodisasi bahasa Melayu. Bahasa Melayu Klasik dikatakan telah bermula pada abad ke-13 dan berakhir abad ke-19. Bahasa Melayu Klasik ini diasaskan bersama kerajaan Islam pertama di timur Aceh, iaitu kerajaan Samudera-Pasai di bawah Sultan Malikul Salih. Bahasa Melayu Klasik muncul dengan wujudnya tulisan Jawi, iaitu tulisan Arab berbahasa Melayu pada abad ke-14. Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa bahasa Melayu pada abad ke-16 adalah tergolong bahasa Melayu Klasik. Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan bahasa Melayu pada awal abad ke-20.

1.1.2 Kelahiran Tulisan Jawi

Menurut Hashim Musa (1997), tulisan atau skrip Jawi berasal daripada skrip Arab yang sampai ke Kepulauan Melayu bersama-sama dengan kedatangan agama Islam. Namun begitu, sejarah kedatangan Islam ke Nusantara seringkali diperdebatkan oleh para sejarawan sama ada dalam bentuk kajian empirikal, saintifik, logik dan sebagainya untuk mencari jawapan dan kepastian yang tepat dan jitu. Walaupun semua teori yang dikemukakan mempunyai alasan yang tersendiri, namun faktor yang lebih penting ialah kedatangan Islam ke Nusantara, khususnya di Tanah Melayu telah mengubah dan mewarnai sistem peradaban Melayu dengan nilai berteraskan ajaran Islam yang sebenar.

Di samping itu, kedatangan Islam ke Nusantara juga telah merevolusikan semua aspek kehidupan dan budaya masyarakat di rantau ini. Unsur ajaran budaya Hindu Buddha yang diamalkan dalam kehidupan masyarakat Melayu mula terhakis sedikit demi sedikit sekali gus memberikan ruang kepada agama Islam untuk membentuk jati diri bangsa Melayu. Islam telah membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme dalam kalangan masyarakat Melayu, iaitu mengubah pandangan masayarakat terhadap alam dan seterusnya memberikan pengaruh kepada kebudayaan Melayu, terutamanya dari segi bahasa dan tulisannya.

Masyarakat Melayu telah mengenali tulisan, iaitu sebelum kedatangan Islam ke Alam Melayu lagi. Hal ini berikutan dengan penemuan beberapa batu bersurat pada zaman Sriwijaya seperti Batu Bersurat Kedukan Bukit (683 M), Kota Kapur (686 M) dan Talang Tuwo (684 M). Penggunaan Bahasa Melayu Kuno dan aksara Kawi dan Pallava pada ketiga-tiga batu bersurat ini jelas menunjukkan wujudnya tradisi penulisan pada zaman Sriwijaya dan pra-Islam untuk menjalankan urusan pentadbiran negara dan hubungan diplomatik. Walau bagaimanapun, tradisi penulisan ini hanya berkembang dalam kalangan para rabib Hindu dan jurutulis istana sahaja serta terhad kepada rakyat jelata. Bahasa Melayu dikatakan telah menjadi lingua franca, iaitu sebelum kedatangan Islam di Alam Melayu tetapi kenyataan ini mendapat reaksi sebaliknya oleh Syed Naquib al-Attas (1969). Beliau berpendapat bahasa Melayu atau lebih jelasnya bahasa Melayu Kuno tidak

mencapai tahap lingua franca kerana bahasa tersebut belum memiliki tulisan tunggal yang mengikat dan tidak mampu mentafsir serta menghuraikan setiap aspek kehidupan. Tambahan pula, kedudukannya amat terbatas untuk urusan jual beli dan hanya sesuai digunakan sebagai bahasa pertuturan.

Seterusnya, pada abad ke-14 Masihi yang merupakan zaman peralihan mulalah menampakkan fungsi bahasa Melayu, iaitu dengan menebalnya pengaruh Arab dan menipisnya pengaruh India. Hal ini dapat dibuktikan dengan penemuan Batu Bersurat Terengganu bertarikh 1303 Masihi bersamaan 702 Hijrah yang ditulis sepenuhnya dalam bahasa Melayu dengan menggunakan huruf Arab. Oleh itu, bermulalah perkembangan bahasa Melayu dengan meminjam huruf Arab dan dimasukkan ke dalam bahasa Melayu sama ada dikekalkan sebutan dan ejaannya mahupun diserapkan dan disesuaikan lafaz serta ejaannya dengan lidah sebutan Melayu. Rentetan itu, muncullah skrip Jawi yang menjadi kebanggaan masyarakat Melayu pada masa tersebut.

Jika diperhalusi, panggilan “Jawi” amat sinonim dengan empat elemen penting, iaitu orang Jawi, bangsa Jawi, bahasa Jawi dan tulisan Jawi yang setiap satunya membawa maksud orang Melayu, umat Melayu, bahasa Melayu dan tulisan Jawi sendiri. Seterusnya, dari segi pengertian istilah pula, “Jawi” merujuk kepada perkataan “al-Jawah” dalam bahasa Arab yang juga merupakan suatu kawasan di Sumatera. Terdapat juga beberapa pengertian tentang istilah Jawi yang dikemukakan oleh R.J Wilkinson (1903) dalam kamusnya, iaitu merujuk kepada “pokok jejawi”, “beras Jawi” dan Marsden pula mengambil keterangan daripada Raffles yang memberikan pengertian “kacukan” antara bapa keling dengan ibu Melayu. Bentuk skrip Jawi merangkumi 29 abjad Arab dan lima abjad tambahan seperti “cha”, “nga”, “pa”, “gha”, dan “nya” yang menyamai kaedah paleografi pada Batu Bersurat Terengganu. Pada 1986, Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) telah menambah satu lagi abjad, iaitu *wau* bertitik atas yang mewakili huruf “v” melalui Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan (PEJYD).

Selain itu, berdasarkan kertas kerja Adi Yasran Abd Aziz (2011), sistem tulisan Jawi jelas menunjukkan bahawa sudah ada huruf Jawi yang beridentiti Melayu asli yang memang berbeza dengan huruf Arab dan Parsi. Walau bagaimanapun, kajian tersebut menunjukkan bahawa sistem tulisan dan ejaan Jawi pada zaman tersebut belum dikodifikasi kerana belum ada kesepakatan yang nyata untuk dijadikan sebagai pedoman tetap dalam mengeja dan menulis perkataan. Oleh itu, ia memberikan kesukaran kepada generasi hari ini untuk meneruskan kesinambungan warisan bangsa yang tidak ternilai harganya ini dengan cara yang lebih mantap sesuai dengan generasi sekarang.

Hasil penyesuaian dan tambahan huruf Arab, tulisan Jawi menjadi satu alat untuk menghasilkan sesuatu penulisan, penyalinan dan penterjemahan serta berfungsi sebagai penyalur utama media persuratan Melayu Islam. Kegiatan ini berlaku disebabkan pada masa tersebut masyarakat Melayu baru menerima ajaran Islam dan memerlukan suatu penanda aras untuk mengukuhkan asas akidah.

1.1.3 Surat Sultan Zainal Abidin III

Surat lama yang berbentuk manuskrip ini merupakan khazanah warisan bangsa Melayu yang tidak ternilai dan ia mencerminkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama pada zaman tersebut. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa *Lingua Franca* sejak zaman lampau lagi. Hal ini dapat dibuktikan dengan hasil catatan dan tulisan daripada masyarakat terdahulu. Oleh itu, Surat Sultan Zainal Abidin III ini tidak terkecuali menjadi khazanah bagi Kerajaan Terengganu, khususnya dan masyarakat tempatan amnya. Kandungan dalam Surat Sultan Zainal Abidin III banyak menceritakan perihal hubungan Kerajaan Terengganu dengan negara luar. Antaranya, surat berkenaan anugerah Saint Micheal dan Saint George yang diberikan oleh Kerajaan British kepada Sultan Zainal Abidin III, Surat Zainal Abidin meminta untuk meminjam kapal dan Surat Sultan Zainal kepada King Britain dan Ireland. Berdasarkan beberapa surat tersebut, hubungan diplomatik antara Kerajaan Terengganu dengan kerajaan luar sudah pun wujud. Hal ini jelas ditunjukkan melalui hubungan baik antara kedua-dua kerajaan. Selain menjalinkan hubungan diplomatik dengan Kerajaan British, Kerajaan Terengganu juga berhubung dengan negara lain seperti Indonesia, Belanda, Inggeris dan untuk dalam negara seperti Kelantan. Di samping itu, berdasarkan kandungan dalam surat tersebut masyarakat dapat mengetahui sejarah dan kebudayaan negeri Terengganu.

1.1.4 Latar Belakang Sultan Zainal Abidin III

Menurut Muhammad Yusoff Hashim, 1991 dalam Izziah Suryani (2011), Sultan Zainal Abidin III merupakan seorang raja atau sultan Melayu yang memiliki keperibadian yang sangat istimewa. Baginda merupakan salah seorang daripada tiga orang Sultan Terengganu yang sering menjadi sebutan dalam sejarah Terengganu, iaitu Sultan Mansur Syah I, dan Sultan Baginda Omar. Baginda merupakan seorang pemerintah yang berkebolehan sehingga baginda menjadi satu lagenda dalam sejarah Terengganu. Keperibadian yang dimiliki oleh baginda, terutamanya dari segi kecenderungan mempelajari ajaran Islam secara mendalam dan mengamalkannya dengan tekun menyebabkan baginda berbeza dengan raja Melayu yang lain. Selain itu, Sultan Zainal Abidin III digambarkan lebih suka mendalami ilmu pengetahuan daripada mengambil tahu hal ehwal pentadbiran negeri. Sultan Zainal Abidin III juga mewarisi sebuah kerajaan yang kukuh daripada ayah baginda. Namun begitu, baginda pada masa itu hanya seorang remaja belasan tahun yang masih belum mempunyai pengalaman dalam pemerintahan negeri. Justeru dalam peringkat permulaan pemerintahan, baginda dikatakan banyak menghabiskan masa untuk menimba dan menelaah ilmu pengetahuan tetapi hal yang berkaitan dengan pemerintahan negeri baginda membiarkan kaum kerabat yang uruskan (Sheppard 1949: 38).

Selain itu, baginda juga mempunyai banyak guru, antaranya ialah Sayyid Zain (Zainal-Abidin) bin Muhammad, Sayyid Abdullah bin Muhammad, Sayyid Abdul Rahman bin Muhammad al-Idrus (Tuk Ku Paloh), Haji Wan Abdullah bin Mohd Amin (Tuk Syeikh Duyung), Haji Wan Abdul Latif bin Abdullah (Anak Tuk

Syeikh Duyung), Haji Wan Abdul Latif bin Abdullah (Losong), Haji Wan Muhammad bin Ali (Kampung Gedong), Haji Zainal Alim (Banggol), Haji Musa (Pengkalan Setar), Sayyid Abdul Rahman al-Haddad dan Haji Wan Mohd Salleh bin Haji Wan Abdul Kadir (Bukit Bayas). Manakala bilik bacaan beliau dipenuhi dengan buku berbahasa Arab seperti *Minhaj al-Talibin*, *al-Fathul-Jawad*, *Hasyiyah Tuhfat al-Muhtaj*, *al-Fatwa al-Kubra*, *al-Umm*, *Tuhfat al-Muhtaj*, *Tafsir al-Baydawi*, *Sahih Bukhari*, *Sunan Abu Dawuud*, *Tarikh al-Kamil* dan *al-Sirah al-Nabawiyah* (Muhammad Yusoff Hashim 1991:136).

Berdasarkan pandangan Sir Frank Swettenham yang melawat baginda pada 1902, beliau menyifatkan baginda sebagai seorang yang sangat berahsia, pendiam dan muslim yang sangat patuh kepada ajaran agamanya. Pegawai British ini juga menganggap bahawa baginda mempunyai polisi untuk tidak menyokong kepada mana-mana pihak. Sikap baginda ini menyebabkan kerajaan Siam tidak berjaya campur tangan dalam pemerintahan Terengganu dan baginda mampu menghalang orang Eropah termasuklah British daripada memasuki negeri Terengganu (Sheppard 1949:50). Manakala pandangan Sir John Anderson semasa berjumpa dengan baginda pada 1909, menyifatkan baginda sebagai seorang lelaki berusia kira-kira 40 tahun dengan perwatakan yang menarik dan alim. Beliau berpendapat sikap Sultan Zainal Abidin III terhadap Kerajaan British tanpa diragui adalah disebabkan pengaruh kaum kerabat dan penasihat baginda (C.O 273/350 Mei 1909) dalam kertas kerja Izziah Suryani Mat Resad (2011).

Seterusnya, Sultan Zainal Abidin III menaiki takhta kerajaan pada 1881M (Buyong Adil 1982: 137), hanya lima tahun sahaja selepas kemangkatan Baginda Omar pada 1876 (M.C. ff Sheppard 1968: 35) dalam kertas kerja Izziah Suryani Mat Resad (2011). Pada ketika itu ingatan seluruh negeri terhadap ketegasan dan kebijaksanaan Baginda Omar masih lagi belum dilupakan. Baginda dilantik menggantikan Sultan Ahmad II (1876-1881) ketika berusia 18 tahun (Buyong Adil 1982: 135-136).

1.2 Pernyataan Masalah

Berdasarkan sorotan kajian yang dibuat terdapat beberapa masalah yang dikenal pasti. Oleh itu, bermula dengan memperhatikan ejaan Jawi yang ada pada Kamus Wilkinson maka satu teks yang sezaman dengan Kamus Wilkinson telah dijadikan bahan kajian perbandingan, iaitu SSZA III.

Matlob (2007), menyatakan bahawa ejaan Tradisi digunakan pada ejaan yang menggunakan kaedah baris seperti *suka*, *ada*, dan *saga*, pada perkataan khas seperti *kepada*, *ini* dan *itu* dan pada ejaan huruf *dal* seperti *di bawah*, *dengar* dan *dahaga*. Menurut Hamdan Abd Rahman (2014), ejaan Tradisi ini ejaan yang disepakati semasa mesyuarat oleh para sarjana dalam mengekalkan beberapa ejaan yang telah mansyur. Namun begitu dalam ejaan Jawi Za'ba ia tidak menggunakan istilah "ejaan Tradisi" tetapi sebagai "ejaan Tua", manakala DKBM pula menggunakan perkataan yang *dikecualikan daripada beberapa aturan pengejaan tulisan Jawi*. Walau bagaimanapun, semua sumber tersebut merujuk kepada

perkara yang sama, iaitu *ejaan Tradisi*. Justeru itu, hal ini menyukarkan pengguna Jawi dalam mengenal pasti ejaan tradisi atau kekecualian ejaan yang sepatutnya dihafal kerana tiada kaedah yang khusus untuk mengejanya.

Sehubungan dengan itu, didapati dalam sistem ejaan Tradisi SSZA III seperti perkataan *segala* dieja (سکل) tetapi dalam Kamus Wilkinson dieja (سکل) manakala dalam ejaan Jawi Za'ba dieja (سکل) dan DKBM dieja (سکلا). Za'ba (1931) mengatakan bahawa perkataan *segala* termasuk dalam ejaan Tua tetapi DKBM mengubah ejaan tersebut dengan memasukkan perkataan tersebut dalam ejaan Lazim yang menggunakan Kaedah Derlung. Ekoran daripada perubahan yang dilakukan oleh DKBM, sebahagian masyarakat tidak boleh menerima ejaan Jawi tersebut. Justeru itu, untuk mengatasi masalah tersebut kajian lanjut perlulah dilakukan.

Kemudian, berdasarkan ejaan Kamus Wilkinson dan ejaan Jawi Za'ba perkataan *rama-rama* dieja (رام). Menurut Za'ba (1931), satu undang-undang yang berkaitan dengan huruf saksi *alif* (ا) telah ditetapkan. Apabila suku kata akhir perkataan bermula dengan salah satu huruf (د, ر, غ, ل, و), maka hendaklah memakai huruf *alif* walau apa pun bunyi yang mendahuluinya. Sebaliknya, dalam ejaan *rama* ini suku kata akhirnya bukan bermula dengan huruf yang dinyatakan sebelum ini. Oleh sebab itu, Za'ba mengeja perkataan *rama-rama* tanpa huruf *alif* di suku kata akhir terbuka /a/. Namun begitu, dalam DKBM semua perkataan yang berakhir dengan -*rama* telah dieja dengan meletakkan huruf *alif* pada suku kata akhir terbuka /a/ seperti *drama* (دراما), *panorama* (فانوراما), *asrama* (اسراما) dan *irama* (ایراما) kecuali *rama-rama* yang masih dieja (رام). Dengan itu, keadaan ini akan menimbulkan masalah kepada pengguna Jawi kerana DKBM tidak memberi penerangan yang jelas tentang hal tersebut.

Oleh yang demikian, untuk menyelesaikan masalah tersebut, pengkaji telah memilih SSZA III sebagai bahan kajian. Hal ini kerana SSZA III mengandungi pelbagai aspek ilmu bahasa dan budaya yang memberikan faedah kepada pembangunan masyarakat tambahan pula ia belum mendapat perhatian, terutamanya dalam bidang penyelidikan bahasa dan ejaannya. Selain itu, usaha untuk mentransliterasikan Surat Melayu Klasik seperti SSZA III juga kurang dilakukan menyebabkan masyarakat yang kurang mahir membaca Jawi tidak dapat memahami dan menghayati kandungan manuskrip tersebut. Berdasarkan pernyataan tersebut, pengkaji berhasrat untuk membuat penelitian dalam aspek transliterasi dan membuat analisis terhadap sistem ejaan Jawi yang digunakan dalam SSZA III. Rasional pemilihan SSZA III ini akan dinyatakan dalam bab 3 (rujuk bab 3.2).

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat menjawab beberapa persoalan berikut:

- 1) Sejauhmanakah perbezaan dan persamaan ejaan Tradisi dalam SSZA III dengan ejaan Jawi Wilkinson, Za'ba dan DKBM?
- 2) Sejauhmanakah perbezaan dan persamaan ejaan Lazim dalam SSZA III dengan ejaan Jawi Wilkinson, Za'ba dan DKBM?

- 3) Sejauhmanakah perbezaan dan persamaan ejaan Mengikut Hukum dalam SSZA III dengan ejaan Jawi Wilkinson, Za'ba dan DKBM?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- 1) Membandingkan sistem ejaan Tradisi dalam SSZA III dengan ejaan Jawi Wilkinson, Za'ba dan DKBM.
- 2) Membandingkan sistem ejaan Lazim dalam SSZA III dengan sistem ejaan Jawi Wilkinson, Za'ba dan DKBM.
- 3) Membandingkan sistem ejaan Mengikut Hukum dalam SSZA III dengan sistem ejaan Jawi Wilkinson, Za'ba dan DKBM.

1.5 Kepentingan Kajian

Penyelidikan terhadap Surat Melayu lama ini adalah penting untuk mengekalkan khazanah Melayu terutamanya dalam bidang bahasa Melayu dari aspek penulisan dan seterusnya dapat menyelongkar kandungan yang terdapat dalam surat tersebut. Oleh itu, seharusnya surat/warkah Melayu lama yang bercorak sebegini didokumentasikan agar dapat dimanfaatkan oleh orang ramai. Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan, di samping dijadikan bahan untuk membuat perbandingan dengan manuskrip yang sezaman dengannya. Oleh itu, ia dapat mengembalikan semula minat dan keinginan untuk mempelajari sistem tulisan Jawi pada asasnya dan seterusnya mendalamai kandungan dalam Surat Melayu lama.

Seterusnya, kajian ini dapat membantu para pengkaji, guru-guru, para pelajar dan masyarakat ia juga penting kepada badan pelaksana dasar, iaitu DBP dalam pengkajian dan pelarasan sistem ejaan Jawi serta penerbitan buku-buku yang berkaitan. Hal ini kerana, DBP merupakan sumber utama serta menjadi rujukan kepada masyarakat. Dengan itu, kajian ini dipercayai mampu dijadikan salah satu rujukan tersebut. Dalam langkah ini juga, DBP terutamanya Bahagian Kesusastraan Tradisional, Jabatan Sastera diberi tugas untuk melaksanakan projek tersebut. Bahagian Kesusastraan Tradisional, Jabatan Sastera akan mengenal pasti judul manuskrip yang sesuai untuk ditransliterasikan dan diterbitkan. Tumpuan utama lebih kepada manuskrip berbentuk ilmu seperti Kepustakaan Ilmu Tradisional dan Sejarah Negara Bangsa, di samping cerita berbentuk lipur lara.

Justeru itu, segala kerja penyelidikan akan lebih senang dilakukan sekiranya bahan berbentuk manuskrip tersebut tertulis dalam bahasa yang mudah, seperti bahasa Malaysia dengan tulisan Rumi dibandingkan manuskrip yang bertulisan Jawi lama. Dengan itu, tidak semua pengkaji mahir membaca dalam tulisan Jawi, terutama Jawi lama. Maka, usaha transliterasi manuskrip dilakukan. Usaha ini juga akan menolong seseorang itu dapat menghayati kandungan manuskrip Melayu dengan mudah dan cepat.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini menumpukan usaha untuk mentransliterasikan, menganalisis sistem ejaan Jawi dalam SSZA III dan membuat perbandingan sistem ejaan Jawi Tradisi, ejaan Lazim dan ejaan Mengikut Hukum dalam SSZA III dengan ejaan dalam Kamus Wilkinson, ejaan Jawi Za'ba dan DKBM. Dalam surat ini sebanyak sembilan SSZA III digunakan. Kajian dibuat berdasarkan sistem ejaan Jawi yang terdapat dalam surat tersebut. Manakala transliterasi dilakukan untuk memudahkan masyarakat yang kurang mahir membaca Jawi untuk membaca dan memahami kandungan surat.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Manuskrip

Manuskrip Melayu merupakan warisan intelektual sarjana silam yang merekod segala nilai yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan masyarakat serta gambaran kehidupan manusia pada masa silam serta kebudayaannya. Manuskrip juga merupakan lamentasi, iaitu isi fikiran yang sarat dengan persoalan serta menjadi himpunan tulisan lama yang bertulisan tangan dengan berskripkan Jawi. Ia merupakan khazanah yang amat penting kerana di dalamnya tersimpan banyak ilmu yang belum ditembusi.

1.7.2 Tulisan Jawi

Tulisan Jawi ialah tulisan yang diubah suai daripada sistem tulisan Arab yang dianggap sebagai tulisan rasmi bagi bahasa Melayu Klasik di Alam Melayu. Tulisan Jawi menjadi tulisan standard bagi bahasa Melayu dan turut digunakan dengan meluas di Nusantara dalam urusan pentadbiran, adat-istiadat dan perdagangan dalam kalangan bangsawan dan pentadbir.

Selain itu, tulisan Jawi ini ditulis dari kanan ke kiri dan tulisan Jawi mengandungi 37 huruf dalam sistem abjadnya. Tiga puluh satu daripada huruf Jawi merupakan huruf asal tulisan Arab yang boleh dipadankan dengan fonem Arab manakala enam lagi ialah huruf Jawi. Enam huruf tersebut ialah ظ, ظ, ظ, ظ, ظ و ظ. Walau bagaimanapun, keenam-enam huruf tersebut tidak wujud dalam sistem bunyi bahasa Arab kerana huruf ini merupakan fonem yang wujud dalam sistem fonologi bahasa Melayu. Sistem tulisan ini tidak mempunyai huruf besar ataupun huruf kecil tetapi mempunyai perubahan bentuk huruf apabila ditulis secara tunggal atau berangkai.

1.7.3 Ejaan Tradisi

Ejaan Tradisi ialah sistem ejaan yang berdasarkan penggunaan sistem baris, tidak kira sama ada tanda baris itu diletakkan atau tidak diletakkan, dan tidak diklasifikasikan sebagai ejaan Lazim atau ejaan Mengikut Hukum.

1.7.4 Ejaan Lazim

Ejaan Lazim ialah ejaan yang menggunakan perlambangan huruf vokal pada suku kata terbuka dan tertutup bagi kata Melayu jati yang tidak termasuk dalam ejaan Tradisi dan ejaan Mengikut Hukum. Namun begitu, terdapat kekecualian dalam beberapa bunyi seperti bunyi *e* pepet di tengah kata contohnya, *lembu* (لَمْبُو) dan *kemas* (كَمْس), bunyi /a/ dalam suku kata KVK seperti *laksa* (لَقْسَا), kecuali apabila berlaku homograf seperti *rasmi* (رَاسِمٍ) dan *resmi* (رَسِمٍ) serta bunyi /a/ dalam ekasuku seperti perkataan *dan* yang dieja (دَان) dan *wang* (وَانْ).

1.7.5 Ejaan Mengikut Hukum

Ejaan Mengikut Hukum ialah ejaan bagi kata Melayu jati yang mengikuti peraturan tertentu. Ejaan ini tidak termasuk dalam jenis ejaan Tradisi dan ejaan Lazim. Hukum tersebut terbahagi kepada empat, iaitu Hukum [a/a], Hukum *kafga*, Hukum Tiga Suku Kata dan Hukum *Wau*.

1.7.6 Kaedah Derlung

Kaedah Derlung ialah satu peraturan yang melibatkan bunyi [a] pada suku kata praakhir dan akhir. Apabila salah satu huruf *dal*, *ra*, *lam*, *wau* atau *nga* berada di suku kata akhir yang diikuti dengan suku kata akhir dan praakhir terbuka /a/ maka huruf *alif* hendaklah ditambah di akhir kata huruf tersebut.

1.7.7 Kaedah Luar Derlung

Kaedah Luar Derlung adalah berasaskan syarat yang sama dengan Kaedah Derlung. Berdasarkan Kaedah Luar Derlung bunyi *alif* di akhir kata yang bermula dengan salah satu huruf selain *dal*, *ra*, *lam*, *wau*, *nga* (kecuali *ha*) tidak dilambangkan apabila bunyi /a/ hadir dalam suku kata terbuka praakhir dan akhir. Namun begitu, huruf *alif* akan diletakkan apabila berlaku homograf. Contohnya, *puas* (فُوَاسٍ) dengan *puasa* (فُوَاسًا).

1.7.8 Transliterasi

Transliterasi merupakan satu proses mengalih jenis tulisan, huruf demi huruf atau abjad yang satu ke abjad yang lain. Oleh itu dalam kajian ini proses pengalihan huruf Jawi ke huruf Rumi telah dilakukan.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Razak Ab Karim. (1994). *Surat Ternate 1521: Beberapa Aspek Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ms 68-69.
- Ab. Razak Ab Karim. (2006). *Warkah Melayu lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Mohamed (Nakula). (1981). *Keturunan Raja-Raja Kelantan dan Peristiwa-Peristiwa Bersejarah*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Adi Yasran Abd Aziz dan Hashim Musa. (2008). Isu Homograf dan Cabarannya dalam Usaha Pelestarian Tulisan Jawi. *Jurnal Aswara*, 3(1): 109-126.
- Adi Yasran Abd Aziz dan Nurhidayah Jumaat. (2010). Sistem Ejaan Jawi Dalam Manuskrip Risalah Hukum Kanun Melaka. *Jurnal Filologi Melayu*, Jilid 17: 73-91.
- Adi Yasran Abd Aziz dan Nurhidayah Jumaat. (2010). Sistem Ejaan Jawi dan Kosa Kata Pada Batu Bersurat Piagam Terengganu. *Jurnal Aswara*, 5(1): 3-7.
- Adi Yasran Abd Aziz. (2010). Perbandingan Sistem Tulisan Jawi dan Kosa Kata Pada Batu Bersurat Piagam Terengganu dengan Manuskrip Undang-Undang Melaka dan Kedah, dalam Seminar Batu Bersurat, Kuala Terengganu.
- Adi Yasran Abd Aziz. (2011). Batu Bersurat Terengganu: Perbandingan Sistem Tulisan Jawi & Kosa Kata pada Batu Bersurat Piagam Terengganu dengan Manuskrip Undang-Undang Melaka dan Kedah, dlm Mohd Yusof Abdullah & Rashid Hamat, *Batu Bersurat Piagam Terengganu*, pp. 172-186. Kuala Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu.
- Adi Yasran Abd Aziz. (2013). Sumbangan Batu Bersurat Piagam Terengganu dan Manuskrip Terawal di Nusantara terhadap Tulisan Jawi dan Perbendaharaan Kata, in *Batu Bersurat Piagam Terengganu: Wadah Intelektual Tamadun Melayu* (hlm. 177-189). Kuala Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu.
- Adi Yasran Abd Aziz. (2015). Kearifan Tempatan Dalam Sistem Tulisan Jawi Terawal Di Nusantara. *Bunga Rampai Bangsa dan Kebangsaan*. ms 173-201.
- Alwee Jantan. (1958). “*Trengganu 1945-1957: A Study in Political Development*”. Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Amat Juhari Moain. (1996). *Perancangan Bahasa Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Amat Juhari Moain. (2009). *Sejarah perancangan Bahasa Melayu di negeri Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'iyah Mohd Nor. (2006). Naskah Salasilah Sultan Omar dan salasilah Kesultanan Terengganu, dalam Rogayah A.Hamid & Mariyam Salim, *Kesultanan Melayu Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar. (2002). “*Pengenalan” Ilmu Mengarang Melayu Edisi Ejaan Rumi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar. (1991). *Bahasa Melayu Abad ke- 16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqa’id al- Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar. (2009). *Rahsia Ejaan Jawi Edisi Ejaan Rumi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Ahmad. (2014). *Kaedah Pembelajaran Jawi Peringkat Asas*. Perpustakaan Negara Malaysia Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan: Kuala Lumpur.
- Awang Sariyan. (1998). *PMR Perdana: Penulisan*. Petaling Jaya: Penerbit Sasbadi.
- Buyong Adil. (1982). *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blagden, C Otto. (1930). Two Malay Letters from Ternate in the Moluccas Written in 1521 and 1522. *BSOAS* 6: 87-101.
- Cifford, Hugh. (1992). *Report of an Expedition into Trengganu and Kelantan in 1895*, Kuala Lumpur: MBRAS.
- Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi* (Edisi kedua). (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi* (Edisi Pertama). (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Emerson, Rupert. (1964). *Malaysia a Study in Direct And Indirect Rule*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Emyliza Sharida Asari. (2013). *Transliterasi dan Analisis Sistem Tulisan Jawi Dalam Itqān Al-Mulūk Bi Ta'dīl Al-Sulūk*. (Tesis Master yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Gallop, Annabel Teh & Arps, Bernard. (1991). *Golden letters writing traditions of Indonesia*. London: British Library, Jakarta: Lontar Foundation.

Gullick, J.M. (1992). *Rulers and Residents, Influence and Power in the Malay States 1870-1920*, Singapore: Oxford University Press.

Hamdan Abd Rahman. (2014). *Panduan Menulis dan Mengeja Jawi*. (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Musa. (1997). “Sejarah Awal Kemunculan dan Pemapanan Tulisan Jawi di Asia Tenggara (Early History of the Emergence and Spread of the Jawi Script in Southeast Asia)”, dlm. *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu (Writing Tradition of Malay Manuscripts)*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Hashim Musa. (2006). *Epigrafi Melayu: Sejarah Sistem Tulisan dalam bahasa Melayu* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Musa. (2006). *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Dahaman. (1991). Pedoman ejaan jawi yang disempurnakan (1986). (Atas Talian). Muat turun 25 Disember 2015, dari <https://www.scribd.com/doc/38634671/Pedoman-Ejaan-Jawi-Yang-Disempurnakan-1986>

Ismail Dahaman. (1991). Transliterasi Jawi kepada Rumi. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jan, 46- 57.

Izziah Suryani Mat Resad@Arshad. (2011). Peranan Sultan Zainal Abidin III dalam Menangani Kemaraan Kekuasaan British di Terengganu Selepas 1909. (Atas Talian). Muat turun 19 Ogos 2015, dari <http://www.ukm.my/nun/prosiding%20atas%20talian.htm>

Kamus Besar Arab Melayu Dewan. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan. (Edisi Keempat). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kang Kyoung Seock. (1990). *Perkembangan tulisan Jawi dalam masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kang Kyoung Seock & Muhammad Syukri Rosli. (2015). *Pengantar Ilmu Jawi*. Kuala Lumpur: Klasika Media dan Akademi Jawi Malaysia.

Khazriyati Salehuddin. (2012). Penilaian Ke Atas Kerumitan Kognitif Dalam Proses Membaca Jawi. *GEMA Online® Journal of Language Studies, Volume 12(4), November 2012*.

Matlob. (2003). *Siri Bimbingan Cerdik Pandai Jawi*. Selangor: Cerdik Publication Sdn. Bhd.

- Matlob. (2003). *Model Cekap Jawi Pandai Jawi Pandai Khat 4*. Kuala Lumpur: Penerbitan Matlob.
- Matlob. (2003). *Model Cekap Jawi Pandai Jawi Pandai Khat 5*. Kuala Lumpur: Penerbitan Model.
- Matlob. (2007). *Pandai Jawi*. 3 ed. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Mohamed Anwar Omar Din (et. al). (2011). *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Mohd Hussien Baharuddin. (2010). *Sistem Tulisan Jawi*. Batu Caves: Pustaka Wira.
- Muhammad Bukhari Lubis (peny.) (et. al). (2006). *Tulisan Jawi Sehimpun Kajian*. Universiti Teknologi MARA, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Muhammad Yusoff Hashim. (1991). *Terengganu Darul Iman Tradisi Pensejarahan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Haslinda Nik Hussain. (2014). Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu, 1911 Dan Pengekalan Status Melayu Islam Terengganu. *Jurnal Antarakta Dunia Melayu*, Bil. 1. Jilid 7.
- Nik Safiah Karim. (1986). *Bahasa Melayu Tinggi Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Nik Safiah Karim. (2008). *Tatabahasa Bahasa Dewan* (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Niswa Noralina Abdullah & Faisal Abdul Hamid. (2013). Pengkaedahan Tulisan Jawi Lama : Analisis Terhadap Manuskrip Nazam Nabi Muhammad S.A.W. *Jurnal Al-Muqaddimah*, Bil 1 (1), 99-110.
- Nurhidayah Jumaat. (2010). *Sistem Tulisan Jawi Dan Kosa Kata Dalam Manuskrip Risalah Hukum Kanun*. (Tesis Master yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Pedoman Ejaan Jawi Bahasa Melayu*. (Edisi Pertama). (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi*. (Edisi Kedua). (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raffles. Thomas Stamford. (1982). *The History of Java*. Jilid 11. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Sabariah Binti Bahrun. (2011). Perkembangan Tulisan Jawi di Malaysia. Prosiding Konferensi Antarabangsa Islam Borneo, Universiti Mulawarman, Indonesia.
- Siti Baroroh Baried. (1985). *Pengantar Teori Filologi*. Yogyakarta, Indonesia: Fakultas Sastera Universitas Gadjah Mada.
- Shellabear W.G. (1901). The Evolution of Malay Spelling. JSBRAS, Vol. 36, hlm. 75-135.
- Sheppard, M.C. ff. (1949). A Short History of Trengganu. *JMBRAS*. Jil. XXII. Pt. 3.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1969). *Preminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1988). *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the Aqa'id of the Nasafi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2012). The Correct Date of the Terengganu Inscription: Friday, 4th Rajab, 702 A.H./Friday, 22nd February, 1303 A.C. dlm. Muhammad Zainiy Uthman, *Batu Bersurat of Terengganu: Its Correct Date, Religio-Cultural, and Scientific Dimensions* (hlm. 1-28) Kuala Lumpur: Department of National Heritage.
- Tatiana A. Denisova. (2011). *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. (1992). *Al-'Allamah Syeikh Ahmad al-Fathani, Guru kepada hampir semua ulama dan tokoh Asia Tenggara Abad ke-19-20*. Jil. 1. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (1931). *Rahsia Ejaan Jawi Penggal Pertama*. Singapura: Malaya Publishing House Limited.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (1949). *Daftar Ejaan Melayu: Jawi-Rumi*. Tanjung Malim: Pejabat Karang Mengarang S.I.T.C.
- Zahariah Zainuddin. (2002). *Hikayat Bahram Syah: Transliterasi dan Analisis Teks*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.